



SIARAN MEDIA

KPKT BERJAYA MELAHIRKAN 16,294 USAHAWAN KOMUNITI BANDAR MENERUSI PROGRAM PEKB

JOHOR BAHRU, 11 Oktober 2023 – YBhg. Datuk Wira M Noor Azman Bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merasmikan Konvensyen Pemeraksanaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) Tahun 2023 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor pada pagi ini.

Konvensyen ini merupakan anjuran Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (SUK Johor), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Kementerian Komunikasi Digital (KKD) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Konvensyen PEKB diadakan bertujuan untuk memberi motivasi lanjutan kepada peserta Program PEKB untuk membangunkan kapasiti dan keupayaan dalam semua aspek perniagaan. Melalui penganjuran Konvensyen ini, KPKT mengambil pendekatan baharu dengan menerapkan model elemen inisiatif sokongan kepada peserta komuniti usahawan sebagai nilai tambah khususnya dari sudut pemasaran produk dan promosi seiring dengan pasaran terbuka secara atas talian.

Seramai 500 orang usahawan program PEKB bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 serta 25 reruai (*booth*) usahawan PEKB, Agensi Kerajaan dan NGO terlibat dalam konvensyen ini. Ia mempamerkan pelbagai jenis perkhidmatan dan produk usahawan PEKB serta maklumat berkaitan bantuan pembiayaan perniagaan. Selain itu, bimbingan turut diberikan kepada usahawan PEKB bagi pengembangan perniagaan untuk meningkatkan taraf usahawan sara

diri dan usahawan informal kepada sekurang-kurangnya bertaraf Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Justeru, ia merupakan platform perkongsian maklumat daripada Agensi Kerajaan, NGO dan usahawan Program PEKB yang telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

Bersempena dengan konvensyen ini turut diadakan sesi penyampaian Anugerah Ikon Usahawan Berjaya kepada lima (5) orang usahawan PEKB terbaik mengikut kategori yang ditetapkan. Penilaian dibuat berdasarkan perniagaan yang dibangunkan, tahap pencapaian dan juga sumbangan semula kepada masyarakat. Pengiktirafan kejayaan usahawan dari 'zero to hero' ini juga dapat memberi suntikan semangat kepada usahawan yang lain untuk lebih berjaya seterusnya mengubah kehidupan mereka menjadi lebih baik.

Dalam majlis sama, sebanyak empat (4) jenis produk usahawan PEKB telah dilancarkan iaitu Produk berasaskan Maman, Fateen's Frozen, Sos Pencicah Inang Sari dan Pannipuree ala Vietnam. Produk-produk ini telah dihasilkan melalui inovasi dan kreativiti peserta bagi mencipta satu kelainan dalam dunia perniagaan.

Program PEKB telah dilaksanakan oleh KPKT bermula dari tahun 2013 dan sehingga kini seramai 16,294 orang usahawan PEKB telah berjaya dilatih di bawah program ini. Ia merupakan salah satu program yang sangat efektif dalam membantu Kerajaan bagi membendung isu kemiskinan tegar di bandar. Peserta Program PEKB akan diberikan latihan keusahawanan selama tujuh (7) hari bertujuan untuk meningkatkan kemahiran peserta supaya mampu mengusahakan perniagaan dan menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup agar dapat keluar daripada garis kemiskinan.

Selaras dengan usaha Kerajaan MADANI untuk memastikan tiada siapa yang dipinggirkan, KPKT bersama-sama NGO optimis melaksanakan Program PEKB dengan lebih cemerlang pada masa hadapan agar lebih ramai usahawan komuniti bandar berjaya dilahirkan. Justeru, Program PEKB diharap dapat mengurangkan masalah kemiskinan bandar yang semakin meruncing seterusnya hasrat Kerajaan MADANI untuk membendung kemiskinan tegar berjaya dicapai.

Majlis turut dihadiri YBrs. Tuan Haji Suhaimi Bin Ali @ Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT; YB Dato' Haji Mohd Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

